

02 OCT 2003

LIMA-BOEING

BOEING HARAP DAPAT JUAL 18 SUPER HORNET KEPADA TUDM

Oleh: Mohd Arshi Daud

LANGKAWI, 2 Okt (Bernama) -- The Boeing Company berharap dapat menjual 18 buah pesawat F/A-18F Super Hornet dua tempat duduk kepada Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) dan memeterai kontraknya itu menjelang hujung tahun ini.

Presiden program F/A-18 dalam bahagian sistem pertahanan bersepadu Boeing, Anthony M Parasida, berkata rundingan penjualan telah berlangsung sejak Pameran Antarabangsa Maritim dan Udara Langkawi (LIMA) 2001.

Masa yang lama yang diambil kerajaan Malaysia untuk memutuskan pembelian itu "telah dijangka," katanya kepada Bernama.

"Ia merupakan keputusan amat penting untuk Malaysia... Saya rasa kerajaan Malaysia melakukan yang terbaik untuk menjadikan kontrak pembelian ini yang terbaik," katanya di pinggir pameran udara LIMA 2003, di sini.

Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Razak berkata kementerian belum membuat sebarang keputusan mengenai pembelian Super Hornet F/A-18F dari Amerika Syarikat itu.

"Ia masih dalam pertimbangan, belum ada keputusan dibuat lagi," katanya kepada pemberita. "Pembelian seperti ini membabitkan banyak wang, semestinya kita perlu menimbang banyak faktor sebelum membuat keputusan pembelian itu."

Parasida berkata Boeing telah bekerja keras untuk memenuhi keperluan TUDM. Bagaimanapun, kontrak memang tidak dijangka akan dimeterai ketika LIMA tahun ini yang berakhir Ahad.

Beliau berkata antara yang telah diatur bagi menjayakan penjualan Super Hornet kepada TUDM ialah program "pengimbangan" Boeing yang mengambil kira keperluan Rancangan Malaysia Kelapan.

Di bawah program itu, Boeing mahu membantu mengembangkan industri berasaskan pengetahuan di Malaysia. Ia juga mahu bekerjasama dengan pemain dalam industri tempatan di Koridor Raya Multimedia (MSC) bagi memajukan perisian untuk keperluan sendiri.

Boeing juga hendak memasukkan industri bioteknologi dalam program pengimbangan ini menerusi hubungannya dengan yayasan dan universiti di Amerika Syarikat yang mempunyai kemahiran dalam industri itu.

Parasida yang kagum dengan kemudahan, kemahiran dan teknologi tempatan, berkata Boeing hendak menjadikan permindahan teknologi ini sebagai "situasi menang-menang untuk kedua-dua pihak".

Beliau berkata sekiranya Malaysia memutuskan untuk membeli Super Hornet, pesawat juang itu akan memulakan perkhidmatan di negara ini pada LIMA 2005.

Beliau turut memuji LIMA kerana membolehkan Boeing mempromosikan produk-produknya seperti jet F/A-18.

"Semalam, kami berpeluang membawa Perdana Menteri (Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad) masuk ke dalam pesawat F/A-18 yang dipamerkan. Kami dapat bersama beliau selama 30 minit, beliau duduk dalam pesawat dan melihat teknologinya, melihat pesawat dan peralatan yang akan dibuat oleh syarikat Malaysia untuk Super Hornet," kata Parasida.

"Akses sebegini tidak dapat dibuat tanpa pameran seperti LIMA."

Tentang komponen Super Hornet yang boleh dikeluarkan oleh syarikat Malaysia sekiranya kerajaan memutuskan untuk membeli pesawat tersebut, beliau berkata ia mungkin termasuk peralatan mesin, peralatan kepingan logam, peralatan komposit dan teknologi maju lain yang boleh dipasang dalam jet pejuang itu. -- BERNAMA

MAD WNZ MSL FR SHY JR